

Dilema PAS pilih sekutu jejas gagasan perpaduan ummah

● Masalah besar perlu ditempuhi UMNO dan PAS ini dari segi pembahagian kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bakal ditandingi

● BERSATU belum mempunyai jentera dan akar umbi mantap, maka jentera serta akar umbi PAS perlu bekerja lebih kuat menyokong kerjasama jika ingin memenangi PRU-15

Oleh Prof Madya Dr Mohd Mahadee Ismail
bhrencana@bh.com.my

Meninjau situasi politik negara yang kini dihangatkan dengan teka-teki bila Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) bakal diadakan, PAS dilihat antara parti berada dalam dilema rumit ketika ini.

PAS bergelut untuk membuat pilihan sama ada perlu bekerjasama dengan UMNO/Barisan Nasional (BN) menerusi Muafakat Nasional (MN) atau terus bekerjasama dengan BERSATU melalui Perikatan Nasional (PN).

Kedua-dua kerjasama politik ini mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Berdasarkan tindak-tanduk PAS mutakhir ini, parti itu cuba mengekalkan kerjasama baik dengan UMNO/BN dan BERSATU/PN untuk menghadapi PRU-15

memandangkan kedua-dua permuafakatan bertekankan penyatuan *Melayu-Peribumi-Islam*.

PAS ketika ini cuba bersikap lebih terbuka seperti ditegaskan Mursyidul Amnya, Hashim Jasin, iaitu apa yang lebih penting ialah mengelak pertembungan banyak penjuror dan memastikan satu lawan satu dengan Pakatan Harapan (PH) pada PRU-15.

Maka, usaha untuk menyatukan UMNO/BN, BERSATU dan PAS sebagai satu kekuatan baharu menjadi keutamaan PAS pada ketika ini.

Namun, hasrat menyatukan ketiga-tiga parti utama ini membentuk satu kekuatan baharu dalam senario dan sentimen politik semasa nampaknya agak mustahil.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi beberapa kali mengeluarkan kenyataan menyatakan pendirian parti itu tidak akan bekerjasama dengan gagasan dianggotai BERSATU seperti diputuskan perwakilan pada perhimpunan agung parti itu tahun lalu.

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mengeluarkan kenyataan mengingatkan pimpinan dan penyokong partinya musuh utama PN pada PRU-15 adalah BN.

Kenyataan ini bercanggah dengan pendirian PAS menerusi Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan yang menyatakan parti Melayu-Islam bukan musuh mereka pada PRU-15.

Justeru, senjata terakhir mungkin digunakan PAS dalam usaha menyatukan UMNO/BN dan BERSATU bagi membentuk kekuatan baharu ialah 27 kerusi Parlimen kritikal bagi menyekat penguasaan PH pada PRU-15 kelak.

Penyatuan UMNO/BN, BERSATU dan PAS dilihat boleh mengurangkan penguasaan PH bagi 27 kerusi Parlimen terbabit memandangkan mereka boleh mendapat sokongan 80 hingga 90 peratus undi Melayu.

Selain itu, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilihat mengadakan perbincangan dengan Presiden UMNO dan Presiden BERSATU bagi mencari mekanisme terbaik penyatuan ketiga-tiga pihak.

Seandainya usaha PAS tidak membuahkan hasil, PAS terpaksa membuat pilihan parti politik mana membawa kelebihan positif kepada mereka untuk bersama-sama mendepani PRU-15.

Dalam konteks ini, jika PAS memutuskan untuk bekerjasama dengan UMNO/BN melalui MN, kelebihan kedua-dua parti ini mempunyai jentera penggerak dan akar umbi kuat.

Gabungan UMNO/BN dan PAS sudah pasti membawa ancaman besar kepada PN dan PH dari segi gerakan dan kempen pilihan raya.

Namun, masalah besar perlu ditempuhi UMNO dan PAS ini dari segi pembahagian kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bakal ditandingi.

Pembahagian kerusi lebih rumit

Kedua-dua pihak mempunyai struktur organisasi masing-masing pada peringkat negeri, bahagian dan cawangan. Persoalannya siapa lebih berhak bertanding di sesebuah kerusi khususnya kerusi tradisi mereka?

Adakah PAS bersedia mengorbankan beberapa kerusi tradisi mereka di Kelantan, Terengganu dan Kedah bagi memberi laluan kepada UMNO/BN?

Begitu juga sejauh mana UMNO/BN sanggup berkorban bagi memberi laluan kepada PAS bertanding kerusi mereka tandingi dan menangi sebelum ini.

Sekiranya UMNO/BN sanggup melepaskan kerusi bagi memberi laluan kepada PAS, apa pula

kata ketua bahagian dan ketua cawangan, begitu juga sebaliknya di pihak PAS.

Soal pembahagian kerusi menjadi lebih rumit jika mendapat bantahan bahagian dan cawangan. Silap percaturan, perpecahan dalaman parti boleh berlaku sehingga menjurus tindakan memboikot pilihan raya atau menyokong parti pihak lawan.

Pendirian ini disuarakan UMNO/BN Terengganu yang mereka akan bertanding di semua kerusi Parlimen dan DUN Terengganu, bergerak solo dan tidak bekerjasama dengan PAS.

Namun, pendirian mereka masih tertakluk kepada keputusan kepimpinan peringkat UMNO/BN pusat. Senario ini nampak cukup rumit dalam penyatuan antara kedua-dua pihak UMNO/BN dan PAS kerana setiap pihak mempunyai tokoh kepimpinan politik berwibawa dan dikenali.

Sementara itu, jika PAS memilih untuk bekerjasama dengan BERSATU menerusi PN dan meninggalkan UMNO/BN bersendirian, soal pembahagian kerusi dilihat mudah diurus dan boleh dicapai melalui diplomasi.

Tidak dinafikan BERSATU juga mempunyai struktur kepemimpinan pada peringkat negeri, bahagian dan cawangan tetapi sebagai parti baharu, tokoh kepimpinan mereka belum dikenali umum dan situasi ini lebih memudahkan PAS meletakkan calon di kerusi sasaran.

Pendekatan kepemimpinan PN hari ini dilihat lebih lembut berbanding UMNO/BN yang tegas mempertahankan kerusi mereka. Walaupun begitu, kekurangan gandingan kerjasama dengan BERSATU adalah dari segi jentera parti dan penggerak akar umbi.

Tidak dinafikan, BERSATU belum mempunyai jentera dan akar umbi mantap berbanding UMNO/BN, maka jentera serta akar umbi PAS perlu bekerja lebih kuat menyokong kerjasama antara mereka jika ingin memenangi PRU-15.

Jika jentera dan akar umbi PAS tidak dapat bergerak dengan baik, agak sukar untuk mereka memenangi pilihan raya, khusus dalam menarik sokongan lebih enam juta pengundi baharu berusia 18 tahun mengundi kali pertama pada PRU-15.

Satu lagi alternatif boleh dilaksanakan PAS untuk penyatuan *Melayu-Peribumi-Islam* adalah mereka boleh bekerjasama dengan UMNO/BN selepas PRU-15.

Namun, ia bergantung kepada kedudukan kerusi dimenangi parti bertanding. Sekiranya UMNO/BN tidak menang besar, sudah pasti mereka mengharapkan sokongan PAS-BERSATU/PN untuk

membentuk kerajaan seperti hari ini.

Oleh itu, dalam suasana sekarang, PAS perlu lebih bijak membuat percaturan politik mereka supaya tidak merugikan parti sehingga menjadi seperti 'yang dikejar tak dapat, yang diken-dong kecikiran'.



Penganalisis politik merangkap Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

“Adakah PAS bersedia mengorbankan kerusi tradisi mereka di Kelantan, Terengganu dan Kedah bagi memberi laluan kepada UMNO/BN?”

